

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN  
(BAYAN BARU)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan GST mengikut setiap negeri untuk tahun 2015. Nyatakan 10 sektor yang merupakan penyumbang terbesar GST kepada negara dan nilainya pada tahun 2015.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, GST adalah cukai di peringkat Kerajaan Persekutuan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan dikutip secara keseluruhannya tanpa mengambil kira lokasi pendaftaran dibuat dan perniagaan dijalankan di sesuatu negeri atau daerah. Dalam konteks ini, kutipan cukai GST di mana-mana negeri atau daerah tidak semestinya menggambarkan bahawa hasil tersebut berkaitan secara langsung dengan aktiviti ekonomi di tempat berkenaan semata-mata. Selain itu, hasil GST

import juga lebih tertumpu kepada negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan utama. Sehubungan itu, Kerajaan tidak memperincikan kutipan hasil GST berdasarkan negeri tetapi meliputi kutipan di seluruh negara.

Bagi pecahan kutipan GST mengikut sektor utama bagi tempoh 9 bulan iaitu bermula 1 April 2015 sehingga 31 Disember 2015, sektor peruncitan dan pemborongan mencatat peratusan kutipan hasil GST tertinggi, iaitu sebanyak RM6.826 bilion (25.3%), diikuti dengan sektor pembuatan sebanyak RM4.701 bilion (17.4%), sektor pembinaan sebanyak RM2.816 bilion (10.4%), sektor kewangan dan insuran / takaful sebanyak RM1.597 bilion (5.9%), sektor komunikasi dan maklumat sebanyak RM1.551 bilion (5.7%), sektor profesional, saintifik dan teknikal sebanyak RM1.503 bilion (5.6%), sektor pentadbiran dan perkhidmatan sokongan sebanyak RM1.217 bilion (4.5%), sektor hartanah sebanyak RM1.105 bilion (4.1%), sektor penginapan dan penyediaan makanan sebanyak RM1.055 bilion (3.9%) dan sektor pertanian, perhutanan dan perikanan sebanyak RM0.836 bilion (3.1%).